

OIC wajar diberi tugas dalam misi di Lubnan

PM mahu Malaysia jadi penyelia damai PBB bantu gencatan

Daripada Zainudin Isa di Helsinki

MALAYSIA mahu negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) diberi peranan dalam misi Keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan, yang kini kebanyakannya membabitkan negara Eropah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata PBB patut menimbang serius perkara itu kerana terdapat keperluan segera bagi menambah pasukan pengaman dalam menyelia proses gencatan senjata di Lubnan.

Abdullah yang juga Pehgerusi OIC, mengambil peluang "menekankan perkara itu pada pertemuan dengan rakan sejawatnya dari China, Wen

Jiabao, sempena Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keenam (Asem 6) di sini, semalam.

"Saya gunakan kesempatan menerangkan keadaan di Asia Barat dan krisis di Lubnan kerana China antara lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB," katanya sebelum menghadiri hari terakhir Asem 6.

Perdana Menteri berkata, negara anggota OIC, seperti Malaysia dan Indonesia juga perlu diberi peranan selaku penyelia damai PBB di Lubnan bagi melancarkan usaha mewujudkan gencatan senjata.

Setakat ini, Malaysia sudah dinamakan PBB bagi menyertai misi pengaman Lubnan, tetapi belum menerima surat rasmi.

Abdullah yang juga Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) turut menekankan keperluan semua

pemimpin dan masyarakat dunia membantu membangunkan Lubnan, terutama bagi mengelak rakyat negara itu menderita terlalu lama.

Mengenai isu nuklear Iran, Perdana Menteri memaklumkan Jiabao bahawa OIC dan NAM tidak bersetuju kuasa nuklear dibangunkan untuk membuat bom.

Beliau menegaskan pentingnya rundingan diadakan dan bukannya menggunakan kekuatan tentera dalam menyelesaikan konflik nuklear Iran yang mendapat bantahan dunia, terutama Amerika Syarikat.

Mengulas penyertaannya pada sesi tertutup dialog bertema 'Memperkuatkan Multilateralisme dan Anekan Keselamatan pada sidang itu pula, Abdullah menegaskan perlunya sistem perkongsian perisikan membabitkan komitmen seluruh du-

nia sebagai medan bertukar maklumat bagi memerangi pengganas antarabangsa.

Abdullah berkata, beliau juga menerangkan kedudukan masyarakat Islam seluruh dunia yang sangat simpati dengan rakan seagama yang ditindas di Palestin, Iraq dan Lubnan.

Beliau berkata, tindakan agresif pihak luar terhadap negara Islam dan penganutnya mungkin dijadikan alasan pengganas untuk melakukan jenayah.

"Saya bimbang serangan terhadap Lubnan baru-baru ini akan menyuntik lagi 'tenaga' mereka untuk melakukan keganasan dan paling ditakuti, ia akan merebak ke negara yang tidak mempunyai kaitan dengan kegiatan pengganas," katanya.